

09 JAN 1999

DR MAHATHIR BUAT LAWATAN KERJA KE JABATAN IMIGRESEN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melakukan lawatan kerja ke ibu pejabat Jabatan Imigresen di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri menghadiri perhimpunan kakitangan jabatan itu.

Turut hadir timbalan beliau di Kementerian Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali serta Ketua Pengarah Imigresen Datuk Aseh Che Mat.

Semasa perhimpunan itu, beliau menerima program kerja Jabatan Imigresen Malaysia 1999.

Perdana Menteri kemudiannya melawat pejabat imigresen cawangan Wilayah Persekutuan dan menyampaikan pasport bacaan mesin (MRP) yang ke-250,000 kepada seorang pemohon.

Pasport yang mempunyai cip identiti pemegangnya dilancarkan oleh Dr Mahathir pada Mac tahun lepas.

Perdana Menteri turut melancarkan kad pengenalan pegawai dagang serta kempen "Khidmat Dengan Senyuman" jabatan itu.

-- BERNAMA

AR